



# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**  
**Pertubuhan (Pindaan) 1983**  
**DR.9/1983**

## Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1983.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 2.  
13/66.

(a) dengan memotong takrif “pertubohan politik”; dan

(b) dengan memotong perkataan-perkataan “, yang mengandungi tidak lebih daripada dua puluh orang,” dalam perenggan (d) takrif “pertubohan”.

3. Seksyen 2A Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 2A.

(a) dengan memotong angka “(1)” yang terdapat di permulaannya;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “; atau” dalam perenggan (e) dengan koma;

(c) dengan memotong perenggan (f); dan

(d) dengan memotong subseksyen (2).



Pindaan  
seksyen 3.

4. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "Penolong Pendaftar" dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan ", Pegawai Pendaftaran".

Pindaan  
seksyen 7.

5. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah bertindih selepas perkataan-perkataan "membuat permohonan itu" dalam subseksyen (1) dengan noktah;

(b) dengan memotong proviso kepada subseksyen (1);

(c) dengan memotong perkataan-perkataan "atau bergabung atau berhubung dengan" dalam perenggan (a) subseksyen (2); dan

(d) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "kebijakan," dalam perenggan (a) subseksyen (3) perkataan-perkataan "keselamatan, ketenteraman awam,".

Seksyen  
baru 8A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 8, seksyen baru 8A yang berikut :

"Tang-  
gungan  
pertubuhan  
berdaftar  
berkenaan  
dengan  
kontrak  
yang dibuat  
oleh  
cawangan.

8A. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam seksyen 12, sesuatu pertubuhan berdaftar tidaklah boleh mendakwa atau didakwa berkenaan dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh mana-mana cawangannya, atau oleh mana-mana pemegang jawatan cawangan itu melainkan jika kontrak itu telah dibuat oleh cawangan menurut kuasa kebenaran nyata yang diberi kepada cawangan itu oleh jawatan-kuasa atau badan pengelola pertubuhan berdaftar, atau adalah suatu kontrak dalam golongan atau perihalan tertentu yang mana cawangan diberi kuasa secara am atau secara khusus oleh pertubuhan itu untuk membuat kontrak; dan peruntukan-peruntukan perenggan (c), (d) dan (e) seksyen 9 hendaklah diertikan dengan sewajarnya dalam pemakaiannya bagi apa-apa guaman, prosiding, penghukuman, atau pemakaian bagi pelaksanaan berhubung dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh suatu cawangan suatu pertubuhan berdaftar.



(2) Tanpa menyentuh subseksyen (1), di mana suatu cawangan, yang disebut “cawangan bawahan” dalam subseksyen ini, adalah di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada suatu cawangan lain, yang disebut “cawangan atasan” dalam subseksyen ini, cawangan atasan itu boleh mendakwa atau didakwa bagi kontrak-kontrak yang dibuat oleh cawangan bawahan jika kontrak itu dibuat menurut kuasa kebenaran bertulis yang nyata yang diberi oleh cawangan atasan, atau adalah suatu kontrak yang termasuk dalam golongan atau perihalan kontrak yang mana cawangan bawahan itu diberi kuasa oleh cawangan atasan untuk membuatnya:

Dengan syarat bahawa suatu cawangan hendaklah dalam apa jua hal disifatkan berada di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada suatu cawangan yang lain jika anggota-anggota cawangan atasan itu adalah dinamakan, dipilih atau dengan cara lain dipilih dari anggota cawangan-cawangan bawahan.”.

**7. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—**

Pindaan  
seksyen 9.

(a) dengan menggantikan perkataan “pegawai” dalam perenggan (b) dengan perkataan “pemegang-jawatan”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “orang yang di-daftarkan sa-bagai sa-orang pegawai” dalam perenggan (c) dengan perkataan “pemegang-jawatan”.

**8. Seksyen 9A Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (5).**

Pindaan  
seksyen 9A.

**9. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dan (2) dengan yang berikut :**

Pindaan  
seksyen 10.

“(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), dokumen-dokumen yang difaillkan dengan Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan apa-apa salinan mana-mana perakuan, perintah, notis atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan oleh Pendaftar



atau Penolong Pendaftar menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh, dengan membayar fee yang ditetapkan—

(a) diperiksa oleh mana-mana orang; atau

(b) didapatkan satu salinannya oleh mana-mana orang daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar.

(2) Tiada seorang pun, selain dari seseorang yang mana Pendaftar berpuas hati menjadi anggota suatu pertubuhan, boleh memeriksa atau mendapatkan daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar akaun-akaun pertubuhan itu atau satu salinannya.”.

Pindaan  
seksyen 11.

**10.** Subseksyen (1) seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan yang berikut:

“(a) mengubah nama atau tempat urusannya; atau”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “empat belas” dengan perkataan-perkataan “dua puluh lapan”.

Pemotongan  
seksyen 11A.

**11.** Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seluruh seksyen 11A.

Pindaan  
seksyen 12.

**12.** Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (5), subseksyen baru (6) yang berikut:

“(6) Jika kelulusan untuk menubuhkan suatu cawangan telah diberi, cawangan itu hendaklah ditubuhkan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kelulusan itu melainkan jika Pendaftar telah memberi perlanjutan masa.”.

Pindaan  
seksyen 13.

**13.** Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “kekhilafan” dalam subperenggan (i) perenggan (c) subseksyen (1) perkataan-perkataan “atau salah nyataan mengenai apa-apa butir yang material”.



**14. Seksyen 13A Akta ibu adalah dipinda—**Pindaan  
seksyen  
13A.

(a) dengan menggantikan koma selepas perkataan-perkataan “tempat di luar Persekutuan” dalam perenggan (b) subseksyen (1) dengan noktah;

(b) dengan memotong perkataan-perkataan “, walaupun adanya kelulusan Menteri di bawah proviso kepada seksyen kecil (1) seksyen 7 atau apa-apa kebenaran yang diberi di bawah seksyen 11A; atau” dalam perenggan (b) subseksyen (1);

(c) dengan memotong perenggan (c) subseksyen (1); dan

(d) dengan memotong seluruh subseksyen (6).

**15. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—**Pindaan  
seksyen 14.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tempat meshuarat” dalam perenggan (c) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “tempat urusan”;

(b) dengan memotong perkataan-perkataan bersama dengan “alamat dan tempat<sup>2</sup> meshuarat bagi segala chawangan pertubuhan itu” dalam perenggan (c) subseksyen (1);

(c) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (d) subseksyen (1);

(d) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (d) subseksyen (1), perenggan baru (da) dan (db) yang berikut:

“(da) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, di luar Persekutuan yang bergabung dengan pertubuhan itu;

(db) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan paku-niari yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau suatu organisasi, pihak berkuasa,



kerajaan, atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia; dan”;

(e) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (d);

(f) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (a) subseksyen (2), perenggan baru (da) dan (db) yang berikut:

“(da) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, di luar Persekutuan yang bergabung dengan pertubuhan itu dan butir-butir lain yang berhubungan dengannya itu;

(db) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan pekuniari yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau suatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan, atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia dan butir-butir lain yang berhubungan dengannya itu; atau”; dan

(g) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “telah di-turut” dalam subseksyen (8) perkataan-perkataan “atau melainkan jika dibuktikan hingga memuaskan hati Pendaftar bahawa tak mungkin dapat menuruti perintah itu”.

Pindaan  
seksyen 15.

16. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

“(1A) Jika suatu notis, perintah, atau dokumen lain disampaikan kepada seorang yang tidak lagi menjadi pemegang-jawatan suatu pertubuhan berdaftar, dia hendaklah dengan serta-merta menyampaikan notis, perintah atau dokumen itu kepada pemegang-jawatan yang sedia ada bagi pertubuhan berdaftar itu atau, jika tidak diketahui, hendaklah



mengembalikannya kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang menghantarkannya itu; dan mana-mana orang yang tidak berbuat demikian bolehlah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada seribu ringgit.”.

**17. Perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—**

Pindaan  
seksyen 17.

(a) dengan menggantikan subperenggan (i) dengan yang berikut:

“(i) kepada Kumpulan Wang Disatukan jika pendaftaran telah ditolak atau dibatalkan menurut kuasa suatu perintah di bawah seksyen 5 atau atas alasan-alasan yang dinyatakan dalam seksyen 7 (3) (a) atau 13 (1) (c) (ii) atau jika anggota-anggota pertubuhan itu meminta sedemikian, dan Menteri mengarahkan sedemikian supaya aset yang berlebihan itu dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan;”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “jika sa-kira-nya tiada sa-suatu arahan oleh Menteri” dalam subperenggan (ii) dengan perkataan-perkataan “dalam segala hal lain”.

**18. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda—**

Pindaan  
seksyen 18.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “pertubohan tempatan itu” perkataan-perkataan “atau mana-mana orang lain”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (a) hingga (g) dengan perenggan baru (a) hingga (1) yang berikut:

“(a) pembatalan pendaftaran pertubuhan di bawah seksyen 2A;

(b) keengganan mendaftarkan pertubuhan itu di bawah seksyen 7;

(c) keengganan memberi pengecualian di bawah seksyen 9A (4) kepada orang berkeelayakan memegang jawatan dalam mana-mana pertubuhan berdaftar;



(d) keengganan meluluskan penukaran nama atau tempat urusan pertubuhan itu, atau pindaan kepada kaedah-kaedahnya di bawah seksyen 11;

(e) keengganan meluluskan penubuhan suatu cawangan pertubuhan di bawah seksyen 12;

(f) pembatalan pendaftaran pertubuhan di bawah seksyen 13;

(g) perintah melarangkan orang-orang bukan warganegara dari memegang jawatan dalam suatu pertubuhan atau melarangkan gabungan, hubungan, komunikasi atau urusan-urusan lain dengan mana-mana pertubuhan di luar Persekutuan dan perkara-perkara lain yang dinyatakan dalam seksyen 13A (1);

(h) perintah supaya meminda kaedah-kaedah atau perlembagaannya di bawah seksyen 13A (2);

(i) keengganan meluluskan seorang juru-audit atau meluluskan seorang juruaudit yang tak dapat diterima oleh pertubuhan di bawah seksyen 14 (4);

(j) pembuatan suatu perintah sementara untuk membubarkan pertubuhan di bawah seksyen 14 (5);

(k) pembatalan pendaftaran suatu pertubuhan berdaftar di bawah seksyen 16 kerana gagal menyelesaikan pertikaian dalam pertubuhan; atau

(l) keengganan memberi kebenaran di bawah seksyen 49 untuk menjadi seorang pemegang-jawatan.”.

Pemotongan  
Bahagian IA.

**19. (1)** Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seluruh Bahagian IA.

(2) Pemansuhan Bahagian IA tidaklah dengan apa jua cara menjejaskan pendaftaran dan pengwujudan mana-mana pertubuhan yang dahulunya dikenali dengan pertubuhan politik sebagai suatu pertubuhan berdaftar dikecualikan bahawa ianya tidak lagi dikenali atau disebut sebagai suatu pertubuhan politik.



20. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (c) subseksyen (1) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 21.

“(c) memasukkan anggota atau peyuran yang tidak bermastautin dalam kawasan—

(i) dalam hal Malaysia Barat, sesuatu mukim; atau

(ii) dalam hal Sabah dan Sarawak, sesuatu bandar, dalam mana pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya;”.

21. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “bapa,” perkataan-perkataan “emak mertua, bapa mertua,”. Pindaan seksyen 23.

22. Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “tidak boleh” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “, kecuali dengan kebenaran Pendaftar,”. Pindaan seksyen 31.

23. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “, 16, 18F (4) atau 18G (3)” dalam perenggan (d) dengan perkataan-perkataan “atau 16”. Pindaan seksyen 41.

24. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “18F (4) atau 18G (3),”. Pindaan seksyen 49.

25. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 63 dengan yang berikut: Seksyen baru 63.

“Kuasai masuk dan memeriksa rekod.

63. Pendaftar, seorang Penolong Pendaftar atau seorang Pegawai Pendaftaran boleh, jika dia mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana pertubuhan ada menjalankan aktiviti yang melanggar dengan mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana daripada kaedah-kaedahnya, dan selepas memberi notis kepada mana-mana pemegang-jawatan, memasuki mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai diselenggarakan atau digunakan oleh mana-mana pertubuhan berdaftar atau mana-mana anggotanya sebagai suatu tempat mesyuarat atau tempat urusan, dan boleh



menggeledah tempat itu dan memeriksa semua buku, akaun, minit mesyuarat dan dokumen-dokumen lain yang disimpan oleh pertubuhan itu.”.

Pindaan  
seksyen 67.

**26.** Perenggan (g) subseksyen (2) seksyen 67 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “yuran” perkataan-perkataan “atau apa-apa pendapatan lain”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “berdaftar” dengan perkataan-perkataan “faedah bersama”.

Pindaan  
Jadual 1.

**27.** Jadual 1 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong subperenggan (b) perenggan 1; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “pertubuhan politik” dalam perenggan (2) dengan perkataan-perkataan “parti politik”.

Pindaan  
Jadual 2.

**28.** Jadual 2 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “atau tempat<sup>2</sup> meshuarat” dalam perenggan (a).

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Pertubuhan 1966.

2. *Akta 4* bertujuan membuat peruntukan mengenai perlantikan Pegawai-Pegawai Pendaftaran. *Fasal 5* bertujuan memotong kehendak mendapatkan kebenaran Menteri sebelum Pendaftar mendaftarkan suatu pertubuhan yang, pada pendapat Menteri, menjejaskan keselamatan atau yang mempunyai gabungan dengan negara asing. Ia juga bertujuan menghapuskan kuasa Pendaftar untuk menolak pendaftaran suatu pertubuhan yang mempunyai gabungan dengan suatu pertubuhan lain yang mana pendaftarannya telah dibatalkan.

3. *Fasal 6* bertujuan mengajukan seksyen baru 8A yang menurutnya suatu pertubuhan tidaklah bertanggung berkeñaan dengan kontrak-kontrak yang dibuat oleh cawangan-cawangannya atau mana-mana pemegang-jawatannya melainkan jika cawangan itu telah diberi kebenaran nyata untuk berbuat demikian. Suatu cawangan atasan mungkin bertanggung berkeñaan dengan kontrak-kontrak yang dibuat oleh suatu cawangan lain yang menjadi subsidiari kepadanya jika kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen itu adalah terbukti. *Fasal 7* bertujuan memperbetulkan kesilapan yang terdapat dalam



Akta yang ada sekarang ini. *Fasal 9* bertujuan membenarkan orang-orang awam memeriksa hanya dokumen-dokumen yang difailkan dengan atau diterima oleh Pendaftar menurut Akta. Hingga kini mereka boleh minta untuk memeriksa semua dokumen dalam milik Pendaftar.

4. *Fasal 10* bertujuan menghapuskan sekatan terhadap pertubuhan berdaftar dari menukarkan tempat mesyuaratnya tanpa kelulusan Pendaftar. Ia juga bertujuan melanjutkan tempoh dalam mana suatu pertubuhan adalah dikehendaki memberi tahu Pendaftar akan keputusannya untuk menukar atau meminda kaedah-kaedahnya.

5. *Fasal 11* bertujuan menghapuskan sekatan-sekatan terhadap gabungan dengan negara asing. Bagaimanapun, berikutan dari pindaan kepada seksyen 14 Akta, pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai gabungan akan dikehendaki menghantar butir-butir berhubungan dengannya itu kepada Pendaftar. *Fasal 12* bertujuan mewajibkan sesuatu pertubuhan yang telah diberi kebenaran untuk menubuhkan suatu cawangan supaya berbuat demikian dalam tempoh tiga bulan selepas kebenaran itu diberikan. *Fasal 13* bertujuan membenarkan Pendaftar membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan yang dilaksanakan oleh sebab salah nyataan mengenai sesuatu butir yang material.

6. *Fasal 15* memansuhkan peruntukan-peruntukan dalam *Fasal 11* dan juga bertujuan mewajibkan pertubuhan supaya mengemukakan butir-butir berhubungan dengan apa jua bantuan luar negeri yang diterima oleh mereka. *Fasal 16* bertujuan mewajibkan bekas pemegang-jawatan supaya menyampaikan apa-apa notis, perintah, atau dokumen-dokumen lain yang diterima olehnya itu kepada sesiapa jua yang kini menjadi pemegang-jawatan atau mengembalikannya kepada pengirim.

7. *Fasal 17* bertujuan memperuntukkan bahawa jika pendaftaran suatu pertubuhan dibatalkan kerana aktiviti-aktiviti yang memudaratkan keselamatan, ketenteraman awam dan seumpamanya atau jika pertubuhan itu meminta sedemikian, hartanya bolehlah diarahkan oleh Menteri supaya dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan. *Fasal 18* bertujuan membuat peruntukan mengenai rayuan terhadap keputusan Pendaftar supaya dikemukakan kepada Menteri. *Fasal 19* bertujuan memotong Bahagian IA berhubungan dengan pertubuhan politik. Selepas ini tidaklah lagi ada golongan yang dikenali sebagai pertubuhan politik. Pertubuhan-pertubuhan itu hendaklah terus wujud sebagai pertubuhan-pertubuhan biasa.

8. *Fasal 20* bertujuan membolehkan orang-orang yang tinggal dalam mukim yang sama di Malaysia Barat diterima menjadi anggota pertubuhan faedah bersama. *Fasal 21* bertujuan membolehkan bapa mertua dan emak mertua mendapat faedah dari pertubuhan faedah bersama sebagai penama. *Fasal 22* bertujuan membolehkan pertubuhan faedah bersama membelanjakan sejumlah wang yang melebihi jumlahwang yang ditetapkan jika Pendaftar membenarkan sedemikian.



9. *Fasal 25* bertujuan menetapkan alasan-alasan dan syarat-syaratnya yang Pendaftar, Penolong Pendaftar atau Pegawai Pendaftaran diberi kuasa untuk memasuki tempat urusan atau tempat mesyuarat suatu pertubuhan berdaftar. Hingga kini, seksyen berkenaan tidak menetapkan syarat-syaratnya bila kuasa itu boleh dijalankan. *Fasal 26* bertujuan membolehkan kaedah-kaedah dibuat untuk membolehkan pertubuhan-pertubuhan faedah bersama menggunakan wang pendapatan selain dari terimaan-terimaan daripada yuran untuk pentadbiran dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

10. Segala pindaan lain adalah sama ada yang kecil atau semata-matanya yang berbangkit sahaja.

### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1197.]